

12 AUG 1996

MELAKA AKAN BANTU PERCEPAT PROJEK INDUSTRI TEKNOLOGI KOMPOSIT

MELAKA, 12 Ogos (Bernama) -- Kerajaan negeri Melaka akan mengadakan perbincangan dengan Composite Technology Research Malaysia (CTRM) bagi mempercepatkan pembangunan projek Bandar Teknologi Komposit di Batu Berendam di sini.

Ketua Menteri Datuk Seri Mohd Zin Abdul Ghani berkata, perbincangan itu perlu diadakan kerana perjalanan pembangunan projek berkenaan agak lembab sejak dilancarkan lima tahun lepas.

"Kita ingin tahu masalah-masalah yang berbangkit dan akan mencari jalan untuk membantu mempercepatkan proses perkembangan projek itu," katanya kepada pemberita selepas majlis perasmian seminar kebangsaan mengenai teknologi komposit yang diadakan di sebuah hotel, hari ini.

Seminar itu dirasmikan oleh Menteri Pembangunan Usahawan Datuk Mustapa Mohamed yang mewakili Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Kerajaan negeri telah menyediakan tapak seluas kira-kira 220 hektar bagi projek berkenaan dan sehingga ini CTRM hanya melaksanakan fasa pertama membabitkan pembinaan beberapa buah bangunan.

Mohd Zin berkata kerajaan negeri menawarkan pelbagai insentif termasuk mengenakan premium tanah yang rendah kepada pelabur di projek berkenaan.

Seminar dua hari itu bertujuan memperkenalkan kepada pelabur tempatan dan asing mengenai potensi teknologi komposit untuk digunakan secara meluas dalam pelbagai bidang seperti industri kapal terbang dan bot.

CTRM masih dalam proses memulakan projek pertama yang membabitkan pengeluaran sebuah kapal terbang komposit yang dilaporkan tergendala kerana pihak berkuasa Australia masih belum memberikan lesen bagi pesawat itu.

Ketua Menteri berkata tumpuan yang diberikan kepada industri berkaitan dengan kapal terbang perlu diubah kerana teknologi komposit boleh digunakan di banyak bidang lain.

Beliau berkata kerajaan negeri menerusi Perbadanan Kemajuan Negeri Melaka (PKNM) sedia mengadakan usaha sama dengan pelabur tempatan atau luar untuk membangunkan industri berkenaan.

Sempena seminar itu, sebuah perjanjian persefahaman bagi tujuan penyelidikan dan pembangunan teknologi komposit telah dimeterai antara Orbtech Composites (M) Sdn Bhd, Norwegian Applied Technology, Duroi Venture Sdn Bhd, HSS Integrated Sdn Bhd dan Universiti Teknologi Malaysia (UTM). -- BERNAMA

MOZ PR